

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WAN HASAN BIN MOHD
RAMLI [DUNGUN]**

TARIKH JAWAPAN : 22 NOVEMBER 2016 (SELASA)

SOALAN

Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan kedudukan yang sebenar Stesen Jana Elektrik Sultan Ismail Paka yang difahamkan akan ditamatkan operasinya berikutan lesen penjanaan (PPA) akan tamat pada 31 Ogos 2017 nanti.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Loji Jana Kuasa Sultan Ismail yang terletak di Paka, Terengganu adalah merupakan loji jana kuasa gas milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang mempunyai kapasiti terpasang sebanyak 1,029 MW. Tarikh tamat operasi komersil loji jana kuasa elektrik tersebut ialah pada 31 Ogos 2017. Namun, Kerajaan telah bersetuju agar operasi Loji Jana Kuasa Sultan Ismail ini dilanjutkan sehingga Disember 2019.

2. Keputusan pelanjutan operasi loji jana kuasa tersebut adalah bagi memenuhi permintaan bekalan elektrik di Semenanjung menjelang tahun 2019 dan mengekalkan rizab margin yang optimum sebanyak 20% disebabkan oleh kelewatan operasi Stesen Jana Kuasa SIPP (Trek 4A) yang hanya akan beroperasi pada tahun 2020 berbanding perancangan asal pada tahun 2019.
